

DI SEKELILING PERISTIWA ADAT PERPATIH DAN PANDANGAN ISLAM

Suatu mesyuarat telah diadakan baharu-baharu ini oleh orang-orang yang memandang bahawa adat Perpatih itu bertentangan dengan pengajaran-pengajaran syarak terutamanya tentang pembahagian harta pusaka. Dalam majlis itu sudah tentu ada pencedang dan pembangkangnya. Ada yang menghendakki perubahan serta ada pula yang mengatakan adat Perpatih itu tidak berlawanan dengan syarak Islam bagi mereka yang hadir di dalam perbahasan itu sudah tentu akan mendapati mereka yang mengatakan adat Perpatih itu tidak berlawanan dengan syarak tentulah sedikit sebanyak harus ia jahil di dalam perkara hukum-hukum agama Islam oleh kerana mereka itu tempatnya tidak menggunakan neraca pengetahuannya bahkan harus nampaknya semata-mata mendirikan hawa nafsu juga.

CARA WASIAT DALAM ISLAM

(Oleh Ahmad Lufti)

Saya bukannya ahli adat dan saya tidak mengetahui secukup-cukupnya tentang selok belok adat Berpatih itu terutamanya adat-adat yang berlaku di dalam Negeri Sembilan di dalam mana konon-kononya adat di Rembau tidak sama dengan adat di Naning, di Seremban dan di Kuala Pilah. Asasnya tidak sama pada setengah-setengah tempat diadakan adat bahawa yang mewarisi harta seseorang yang mati itu kononnya anak-anak saudaranya yang perempuan sedang anaknya sendiri tidak mewarisinya. Dan pada setengah-setengah tempat pula apabila seseorang itu mati maka yang mewarisi anak perempuannya sahaja sedang anak lelakinya tidak.

Dengan keterangan ini ada pula timbul pertelingkahan yang mengatakan bahawa dalam adat Perpatih itu tidak berlawanan dengan syarak oleh kerana ada pencedangnya yang mengatakan jika si mati itu telah berwasiat maka ia boleh menyerahkan harta pusaka itu kepada anak perempuannya dengan wasiatnya itu. Keterangan ini kerana ia dilafazkan oleh orang yang nampaknya penyiasat yang mempertahankan adat-adat itu dengan mengatakan "adat bersendi kepada syarak" menjadikan saya dan juga barangkali pembaca-pembaca akan tertarik kalau kiranya di sini, kerana saya bukannya seorang daripada ahli-ahli adat, molek menerangkan mudah-mudahan ada manfaatnya tentang bagaimana kehendak syarak di dalam perkara yang bersabit dengan waris dan wasiat.

Allah telah menetapkan bahawa anak lelaki itu mendapat dua bahagian sedang anak perempuan mendapat satu bahagian.

Ketetapan ini tidak boleh diubah oleh kerana tiap-tiap seorang lelaki itu dilebihkan ialah ia itu bakal menanggung bebanan nafkah bagi perempuan yang dikahwinnya atau anak-anaknya ataupun saudaranya perempuan yang tidak ada ditanggung oleh orang. Ini sudah terang dan tidak dapat diubah dan hairan sungguh saya sekiranya orang yang yang mengatakan dengan wasiat boleh digugurkan hak waris yang tertentu itu semua sekali iaitu umpamanya seseorang bapa meninggal, sebelum meninggal ia berwasiat mengikut adat Perpatih menyerahkan semua harta pusakanya kepada anak perempuan atau anak saudara perempuan ataupun sebagaimana yang berlaku di Singapura berwasiat menyatakan "harta itu tidak boleh dibahagikan melainkan sekian tahun sesudah matinya."

Di sini suka saya menerangkan makna dan tujuan wasiat yang terkandung di dalam pengajaran Islam yang sah yang mudah-mudahan ada manfaatnya diperhatikan oleh ahli adat itu. Wasiat itu maknanya pesanan seseorang kepada waris atau pengurusnya supaya sesudah matinya harta bendanya atau sebagiannya diberikan kepada seorang atau bagi urusan ini atau itu.

Firman Allah yang maksudnya : "Telah difardhukan oleh Allah di atas kamu apabila kamu telah hampir mati, jika kamu ada meninggalkan harta supaya kamu berwasiat bagi kedua ibu bapa kamu dan bagi keluarga kamu yang akrab dengan cara yang baik (yang demikian itu) suatu kewajipan atas orang yang berbakti. Maka sesiapa yang mengubah wasiat itu setelah didengarnya dan diketahuinya maka dosanya itu akan dipukul oleh mereka yang mengubah itu – sesungguhnya

Allah mendengar lagi melihat. Tetapi barangsiapa mengetahui orang yang membuat wasiat itu terkeliru (tidak adil atau berdosa tentang wasiatnya) jika ia membuat damai antara ahli-ahli waris maka tidaklah berdosa sesungguhnya Allah itu Pengampun lagi Penyayang. – Surah al-Baqarah ayat 182-180.

Kalau kita pandang kepada keterangan ayat yang tersebut di atas ini maka zahir kepada kita bahawa seseorang yang akan meninggal dunia kalau ia ada meninggalkan harta maka wajiblah ia berwasiat bagi ibu bapanya dan keluarganya yang hampir. Orang yang mengubah kepada apa yang tersebut dalam wasiat itu berdosa dikecualikan jika orang yang berwasiat itu terkeliru lalu diubah wasiat itu oleh pengurusnya dengan dibuat perdamaian kepada ahli waris maka yang demikian itu tidaklah berdosa.

Ayat Quran yang tersebut di atas itu mengatakan perlu mengadakan wasiat dan wasiat itu ialah harta benda yang dippunyai oleh orang yang hidup dan ditentukan pula bahawa harta benda itu tidak boleh lebih daripada sepertiga daripada harta yang ditinggalkan seperti yang diriwayatkan yang maksudnya: Saad bin Abi Waqqas berkata – Rasullullah (SAW) telah melawat saya pada ketika saya sakit kuat – saya bertanya

kepadanya – Ya Rasulullah, penyakit saya telah sampai kepada batas yang tuan telah lihat, sedang saya ada mempunyai harta, pada hal yang akan menerima pusaka saya hanya seorang anak perempuan saya. Oleh sebab itu bolehkah saya sedekahkan dua pertiga daripada harta itu? Rasulullah menjawab, tidak Kata saya pula – bolehkah separuh? Jawab Rasulullah – tidak. Kata saya lagi, bolehkah sepertiga? Jawab Rasulullah – boleh sepertiga, sedang sepertiga itu juga sudah banyak; kerana meninggalkan (harta) bagi ahli warisnya supaya mereka tidak berhajat kepada orang lain itu lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka di dalam kepapaan, meminta pertolongan kepada orang lain.” – hadis Sahih riwayat Bukhari.


Dengan ini nyata bagi seseorang boleh mewasiatkan hartanya tidak boleh lebih daripada sepertiga. Di dalam keterangan yang tersebut ini nyata timbul suatu pengajaran yang boleh kita takwilkan bagaimana caranya meletakan wasiat mengikut pengajaran Islam. Menurut ayat 180 daripada surah al-Baqarah itu telah terang dengan nyatanya bahawa Allah menyuruh seseorang mewasiatkan sebahagian hartanya kepada kedua-dua ibu bapanya dan

kepada keluarganya yang hampir oleh kerana ibu bapa dan kedua-dua saudara yang hampir itu, bagi seseorang yang ada mempunyai anak ia telah melindungi daripada mereka mendapat harta bahagian daripadanya.

Dengan demikian maka supaya mereka itu tidak terkelindan, terutamanya jika kedudukan mereka itu (kedua ibu bapa atau kerabatnya yang hampir itu) miskin maka dapatlah ia merasa

pertolongan yang boleh melepaskan sedikit sebanyak pengakuannya iaitu menjauhkan mereka meminta-minta kepada orang lain.

Di sini menunjukkan bahawa pengajaran itu ditujukan bahawa tiap-tiap seorang yang berharta itu bertanggungjawab atas keluarganya dan dengan kerana itulah



Sebahagian daripada orang-orang yang hadir di dalam perjumpaan hendak memperbaiki adat Perpatih yang di adakan di Singapura baharu-baharu ini. Di sini nampak juga contoh satu adat yang melanggar ajaran Islam iaitu lelaki perempuan bergaul – perempuan ditempatkan di hadapan. Syarak ada memberi pelajaran menunjukkan tempat-tempat perempuan dengan terang. Jadi adakah adat Perpatih sahaja yang patut diubah sedang kita mengadakan adat baharu?

sehandal-handal orang yang berharta itu mewasiatkan hartanya (setinggi-tingginya sepertiga daripada hartanya) itu kepada mereka yang terlindung dengan sebab waris dan jika ia hendak berkhairat kepada umum (bersedekah jariah) hendaklah dibuatnya pada masa hayatnya bukan daripada wasiatnya.

Faedah ini sekarang telah banyak dilanggar oleh orang-orang Islam umum terutamanya daripada hartawan-hartawan di Singapura ini di dalam mana apabila seseorang sudah meninggal maka sebelum ia meninggal itu ia membuat suatu wasiat sekian-sekian daripada hartanya untuk mengadakan tahlilnya, bagi orang yang mengajikannya di atas kubur dan sebahagian daripada hartanya dibahagikan kepada ini dan itu sedang kedua-dua ibu bapanya dan keluarganya yang hampir tidak diingatinya sama sekali. Dua pertiga daripada harta-harta yang tinggal kepada warisnya itu diadakan pula suatu ikatan (mengikut kaedah orang-orang Inggeris) dengan meletakkan bahawa harta itu tidak boleh dibahagi dan pula kalau anaknya yang sulung meninggal dunia sepuluh tahun baharu harta-harta itu boleh dibahagikan iaitu suatu perbuatan aninya oleh kerana apabila seseorang telah meninggal dunia maka harta yang tinggal kepada warisnya itu ada lagi kuasanya dan harta itu adalah kuasa warisnya tadi dan jika didapati warisnya itu boros maka baharulah diluluskan kerajaan mengambil kuat kuasa memegang harta itu supaya jangan jadi mereka itu melakukan pekerjaan-pekerjaan yang asi.

Telah kejadian beberapa banyak penderitaan daripada anak-anak orang yang hartanya sesudah ayah dan bondanya meninggal hidup menderita tidak mendapat suatu pun daripada hasil-hasil hartanya oleh kerana tidak dapat harta itu dibahagikan dengan ikatan seperti yang di atas ini dan banyak pula yang terjadi trusty-trusty (kuasa-kuasa) yang mengurus harta itu mengambil peluang memerah harta itu menjadi faedahnya dan tidaklah hairan kalau kita dapati anak-anak orang yang hartawan menderita sesudah ayah bondanya meninggal sedang yang memegang kuasa-kuasa itu menjadi hartawan dan senang lenang dan tidak nampak lagi kepada amaran Allah bahawa orang yang pendusta agama itu ialah orang yang memakan harta anak yatim. Ini ialah penderitaan

yang kita nampak zahir dengan terangnya.

Daripada apa-apa yang tersebut di atas ini maka nampaklah kepada kita bahawa seseorang itu tidak boleh mewasiatkan semua hartanya kepada apa yang disukainya atau kepada anak perempuannya sendiri sahaja sebagai yang dijadikan untuk melaksanakan tujuan “adat tersendiri dengan syarak” yang dibawa oleh orang-orang yang mempertahankan adat itu sekiranya mereka itu memandang bahawa mereka seorang Islam maka tidak ada yang lebih baik daripada mengikut ajaran-ajaran Islam sekalipun adat yang telah berjalan itu beribu-ribu tahun yang dipegang turun menurun oleh kerana bukan sesuatu itu kerana lamanya boleh jadi juga kesedaran itu baharu didapati sedang mereka terlepas mengikut kesesatan atau mengikut adat Jahilliah yang berlawanan dengan aturan-aturan yang telah ditaja oleh Allah Subhanahu wa Taala yang bagi orang-orang yang beriman mempercayai bahawa tiap-tiap suatu yang ditetapkan Allah itu menunjukkan tinggi kebaikkannya yang tidak terlintas pada sisi manusia.

Fahamkanlah jika hendak memahamnya dan janganlah hendaknya berkeras mengikut hawa nafsu mempertahankan barang yang salah – jika didapati barang itu salah adanya.



Ketua kaum ibu UMNO Rembau sedang memberi ucapan di dalam persidangan adat Berpatih baharu-baharu ini di Singapura. Di kanan Tuan Haji Osman, yang Di-pertua UMNO Rembau dan di kirinya Tuan Haji Kasim Adam pengelola persidangan itu. Persidangan itu molek tetapi semolek-moleknya juga kaum ibu UMNO Rembau beriktiyar mengubah adat bercampur gaul di antara lelaki dengan perempuan yang digalakkan oleh UMNO, kerana tidakkah yang demikian ini suatu, “adat” yang melanggar hukum Islam?